



Penyebaran Virus Komputer

Tahukah adik-adik, bahawa komputer kita juga boleh diserang Virus?

Virus Komputer boleh menyerang dan merosakkan program serta data yang terdapat di dalam komputer. Virus Komputer boleh membiak dengan membiarkan dirinya "tersimpan" di dalam media penyimpanan. Contoh, pendrive, external hardisk, dokumen serta jaringan internet secara tersembunyi, tanpa disedari oleh adik-adik. Virus juga boleh tersebar dari satu komputer kepada komputer yang lain apabila kita berkongsi media penyimpanan ataupun dokumen yang telah dijangkiti virus.

Kenapa komputer kita diserang Virus?

Di dalam dunia siber, terdapat mereka yang berniat jahat atau ingin mempermainkan pengguna-pengguna internet yang lain. Mereka telah mencipta pelbagai jenis Virus Komputer dengan penyamaran yang tidak dapat kita sedari. Tahu-tahu saja, komputer adik-adik mempunyai virus! Justeru, pengetahuan berkenaan Virus Komputer bagi tujuan keselamatan data dan juga dokumen yang terdapat di dalam komputer perlu diketahui.

Jenis-jenis Virus

Terdapat beberapa kategori Virus Komputer yang boleh kita ketahui dan pelajari:

1. **Polymorphic Virus** - ia boleh mengubah diri untuk mengelakkan dikenalpasti oleh perisian anti-virus. Ianya boleh menyerang pelayan komputer (server), komputer atau sistem dan boleh memadam file yang berada di dalam komputer.
2. **Stealth Virus** - virus ini boleh menyembunyikan diri di dalam file atau dokumen yang penting bagi mengelakkan dikenalpasti.
3. **Retro Virus** - mengubah dan memusnahkan perisian anti-virus. Virus ini boleh menyebabkan perisian anti-virus mengenalpasti file penting di dalam komputer sebagai virus dan sekaligus cuba untuk memadamkan file tersebut. Keadaan ini akan menyebabkan operating system (OS) komputer tidak dapat beroperasi dengan baik.
4. **Multipartite Virus** - menyerang sistem komputer dengan pelbagai cara. Ianya boleh menjangkiti kesemua executable files dan akan menyerang pada skala yang besar bagi memastikan kesemua file akan dapat dimusnahkan.
5. **Armored Virus** - virus yang boleh mengelakkan diri dari dikenalpasti sebagai virus oleh pengguna komputer dan sekaligus ianya tidak dipadam menyebabkan komputer / sistem mendapat ancaman serangan virus. Virus ini sangat sukar dikenalpasti dan sangat cepat menjangkiti komputer. Ianya merupakan salah satu virus pilihan bagi penggodam komputer.
6. **Companion Virus** - virus yang berada di dalam program komputer yang sah. Ianya akan mereka bentuk file yang berbeza extension dan akan berada di dalamnya untuk tempoh jangka masa yang singkat. Virus ini akan menjangkiti komputer jika pengguna menaip "RUN" di dalam program komputer dan seterusnya menyerang windows registry dan windows configuration database.
7. **Phage Virus** - virus yang mengubah program serta pangkalan data komputer. Ianya boleh menjangkiti kesemua pangkalan data sistem komputer.
8. **Macro Virus** - virus pintar yang boleh menjangkiti perisian makro. Contoh Word dan Excel. Virus yang paling banyak digunakan untuk menjangkiti komputer di mana ianya sangat senang dicipta dan disebarluaskan serta sukar dikenalpasti pengguna. Ianya boleh merebak apabila pengguna komputer membuka Word atau Excel yang telah dijangkiti virus.

Kesimpulan

Adik-adik perlu berwaspada ketika melakukan sebarang aktiviti komputer seperti membuka atau memindahkan file atau berkongsi media penyimpanan. Ini kerana ianya boleh menyebabkan penyebaran virus yang serius kepada komputer. Jika adik-adik masih keliru atau kurang yakin berkenaan dengan cara-cara mencegah virus komputer, segeralah maklumkan kepada ibu bapa jika terdapat aktiviti atau file yang mencurigakan di dalam komputer.

Sekiranya adik-adik perlukan sebarang bantuan atau mempunyai pertanyaan, sila hubungi **Pusat Bantuan Cyber999** melalui emel, cyber999@cybersecurity.my atau ditalian **Nur 15999**. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web www.cybersecurity.my dan www.cybersafe.my